



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11 August 2015

## Najib ajak orang ramai kemuka pandangan untuk Bajet 2016

Um - 11/8/2015

**KUALA LUMPUR 10 Ogos** - Datuk Seri Najib Tun Razak meminta orang ramai berkongsi pandangan mengenai keperluan perumahan serta kehidupan bandar untuk dijadikan input oleh kerajaan dalam pembentangan Bajet 2016 nanti.

Menerusi laman Twitter-nya, Perdana Menteri berkata, laman khas #Bajet2016 akan diwujudkan untuk membolehkan orang ramai berkongsi pandangan serta idea bermanfaat bagi diterjemahkan kerajaan mel-

alui pelan tindakan.

Selain isu perumahan khususnya kategori rumah mampu milik, beliau juga menyeru seluruh rakyat Malaysia mengemukakan cadangan bernas mengenai apa sahaja perkara yang berkaitan dengan kehidupan di bandar.

"Kongsi pendapat mengenai perumahan dan kehidupan bandar di laman khas #Bajet2016 yang akan tersedia tidak lama lagi," kata Perdana Menteri sebagaimana dipetik hari ini.